AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Imuniti kelompok dijangka September



*Petugas PERHILITAN dan Renjer Hutan Taman Negara, Suhairi Penangan (dua dari kanan) dan Roy Daun menerima suntikan vaksin di Klinik Kesihatan Kampung Pagi, Jerantut, semalam.* (Foto Farizul Hafiz Awang/BH)

## Peningkatan bekalan vaksin setiap bulan lancarkan PICK

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Imuniti kelompok meliputi 80 peratus daripada golongan dewasa di negara ini dijangka berupaya dicapai seawal September ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah ketika menyuarakan keyakinan itu berkata, bekalan vaksin menjangkau 12 juta dos dijadual tiba bulan ini.

Katanya, jumlah bekalan vaksin diunjurkan terus meningkat setiap bulan, sekali gus berupaya melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Sebab itu penting untuk kita tingkatkan pemberian vaksin di setiap negeri, khususnya yang merekodkan kes COVID-19 berkadar tinggi seperti di Lembah Klang dan Negeri Sembilan.

"Unjuran kita dengan kadar suntikan vaksin 150,000 dos sehari, kita mungkin dapat capai imuniti kelompok menjelang November.

"Jika lihat perangkaan semasa, kita sudah berjaya tingkatkan kadar pemberian vaksin sehingga hampir 400,000 dos sehari.

"Justeru, kita jangka dalam tempoh terdekat, sama ada akhir atau awal September ini boleh capai matlamat kadar imunisasi meliputi 80 peratus penduduk," katanya dalam program The Nation, bertajuk COVID-19: Apa Lagi Ikhtiar Kita di *BERNAMA TV*, malam kelmarin.

Menerusi prestasi PICK, Dr Noor Hisham berkata, liputan imunisasi sebanyak 50 peratus daripada individu dewasa akan mencerminkan perubahan positif terhadap persekitaran semasa pandemik di negara ini.

Mengambil contoh perkembangan di United Kingdom (UK), beliau berkata, kadar kematian dan kes kemasukan ke hospital akan mula merekodkan penyusutan apabila liputan imunisasi mencecah 50 peratus.

"Jika dahulu di UK, kadar kematian direkod ialah seorang bagi setiap 50 penduduk, tetapi selepas tindakan kesihatan awam menerusi kawalan pergerakan dan vaksin, ia berkurangan.

"Selepas tiga bulan program imunisasi dilaksanakan di UK dan 50 peratus penduduknya diberikan suntikan vaksin, nisbah kematian menyusut kepada hanya seorang bagi setiap 1,000 penduduk.

"Pola sama dicatatkan di Amerika Syarikat dan negara lain, malah peringkat awal di Malaysia menunjukkan perkembangan baik susulan PICK.

"Selepas petugas barisan hadapan diberikan vaksin, ada 1,800 dijangkiti, tetapi majoriti hanya alami gejala ringan," katanya.

> Liputan imunisasi sebanyak 50 peratus daripada individu dewasa akan mencerminkan perubahan positif terhadap persekitaran semasa pandemik di negara ini
>
> ***Dr Noor Hisham Abdullah,*** *Ketua Pengarah Kesihatan*



Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kaedah saringan bersasar dilihat lebih berkesan untuk dijadikan sandaran bagi 'memburu' individu dijangkiti COVID-19 di Lembah Klang.

Katanya, saringan di Selangor dan Kuala Lumpur ketika gelombang kedua COVID-19 sebelum ini menunjukkan kadar ujian positif (TPR), masing-masing sekitar 0.2 serta kurang satu peratus.

Katanya, saringan membabitkan 97,000 hingga 100,000 populasi di Selangor pada Mei lalu pula merekodkan TPR sebanyak 0.7 peratus.

"Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa kata di Kuala Lumpur, TPR yang direkodkan ialah kurang satu peratus.

"Jadi, kita kena lakukan saringan bersasar, dengan menjangkakan di mana pembentukan kluster berlaku dan di 'kawasan panas'.

"Baru kita dapat kesan peningkatan kes COVID-19 dalam komuniti," katanya.

# Selangor rekodkan lebih separuh kes baharu

**Kuala Lumpur:** Selangor merekodkan 4,682 kes baharu COVID-19, lebih separuh daripada 9,105 kes dilaporkan di seluruh negara, semalam.

Angka jangkitan baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini meningkat kepada 836,296 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kuala Lumpur merekodkan kes kedua tertinggi dengan 1,247 kes, diikuti Negeri Sembilan (541), Johor (392) Kedah (382) dan Pahang (300).

Hanya Perlis merekodkan kes satu digit dengan satu kes, manakala Terengganu (38), Putrajaya (49) dan Labuan (59), setakat tengah hari semalam.

Melaka pula merekodkan 278 kes, diikuti Sabah 271 kes, Sarawak 270 kes, Pulau Pinang 243 kes, Perak 207 kes dan Kelantan 150 kes," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 5,194 orang sembuh semalam, menjadikan jumlah kumulatif 742,297 kes.

Kes di unit rawatan rapi pula, katanya, membabitkan 961 kes, manakala 455 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Kes kematian merekodkan 91 kes (6,158 kes kumulatif) membabitkan 86 warganegara dan lima bukan warganegara," katanya.

Sementara itu, kadar kebolehjangkitan (Rt) COVID-19 kelmarin, direkodkan pada bacaan 1.13, meningkat tiga hari berturut-turut, sejak Khamis lalu.

Dr Noor Hisham berkata, trend peningkatan Rt melepasi kadar 1.00 direkodkan sejak 28 Jun lalu, dengan kali terakhir kadar Rt berada di bawah 1.00 pada 27 Jun lalu, iaitu 0.99.

Data dikongsikan itu menunjukkan kadar berkenaan dilihat melepasi bacaan 0.95 yang ditetapkan pada graf jangkaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19, manakala purata kes mingguan pula dilihat menghampiri paras 8,000.

Angka itu berdasarkan statistik kes jangkitan COVID-19 bagi tempoh 11 Jun lalu hingga semalam.

Berdasarkan data itu, kawasan dan negeri mencatatkan nilai Rt melebihi daripada nilai kebangsaan adalah Putrajaya yang merekodkan 1.2, diikuti Kuala Lumpur (1.18); Selangor dan Melaka (1.17) serta Kedah (1.14).

Sementara itu, antara negeri mencatatkan bacaan kurang daripada 1.0 ialah Sarawak iaitu 0.87, diikuti Labuan (0.9); Kelantan (0.94) dan Perlis (0.96).

Nilai Rt merujuk kepada tahap kebolehjangkitan sesuatu virus, iaitu jumlah ramai individu yang boleh dijangkiti oleh satu kes positif.

Dalam pada itu, lonjakan kes COVID-19 kebelakangan ini dibimbangi berpunca daripada penularan jangkitan varian Delta.

Dr Noor Hisham menjelaskan varian Alpha yang berasal dari United Kingdom dan dikesan mula menular di Sabah, sebelum ini berjaya dikawal.

Bagaimanapun, katanya, semua negeri di Malaysia kemudian dikesan mempunyai penularan jangkitan varian Beta dari Afrika Selatan.

"Sekarang yang dominan ialah Delta dari India atau varian mutasi berganda dan kita bimbang, bagi tempoh satu hingga dua minggu lalu, ia kesan daripada varian ini.

"Jadi, kita kena perkukuhkan tindakan kesihatan awam bagi membendung penularan jangkitan daripada varian membimbangkan (VOC) ini," katanya.

**Terkini COVID-19**

| | |
|---|---|
| 5,194 | Pulih, dibenar keluar hospital, semalam |
| 9,105 | Kes baharu disahkan, semalam |
| 6,158 | Jumlah kematian dicatat |
| 836,296 | Jumlah kes disahkan positif |
| 87,841 | Kes yang masih dirawat |

**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NASIONAL**

Penularan COVID-19

# Vaksinasi lepasi tahap dicatat UK

## Malaysia rekod kadar purata bagi setiap 100 populasi kedua terbaik selepas Singapura

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kadar purata vaksinasi bagi setiap 100 populasi di Malaysia mencatat rekod baharu apabila melepasi tahap dicatatkan di United Kingdom (UK), Khamis lalu.

Malah, pencapaian negara adalah kedua terbaik selepas Singapura dalam kalangan sembilan negara tersenarai, berdasarkan statistik purata tujuh hari bagi setiap 100 populasi keseluruhan penduduk diterbitkan Our World in Data.

Setakat 9 Julai lalu, Singapura berada di tangga pertama dengan purata harian vaksinasi 1.3 bagi setiap 100 orang, diikuti Malaysia merekodkan 0.96 bagi setiap 100 orang, Taiwan (0.65), United Kingdom (0.38), Thailand (0.36), Indonesia (0.31), Korea Selatan (0.2), Amerika Syarikat (0.18) dan Vietnam (0.02).

Data itu dikongsi Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, di laman sosial, kelmarin.

"Kadar vaksinasi kita melepasi UK ketika mereka berada di kemuncak (program inokulasi)," katanya yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Sementara itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) melaporkan 324,745 dos suntikan vaksin COVID-19 diberi kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian pelalian itu di seluruh negara kini 11,075,493 dos.

JKJAV berkata, 213,971 daripada jumlah pemberian vaksin kelmarin adalah dos pertama, manakala 110,774 dos kedua.

Lima negeri mencatat pemberian vaksin tertinggi kelmarin ialah Selangor dengan 78,081 dos, diikuti Sarawak (62,241), Kuala Lumpur (46,695), Perak (24,067) dan Negeri Sembilan (19,563).

Jumlah keseluruhan pemberian vaksin COVID-19 dos pertama ialah 7,649,848 dan dos kedua 3,425,645, sehingga kelmarin.

Dalam perkembangan berkaitan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyifatkan Malaysia berada di landasan tepat bagi mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pencapaian kadar vaksinasi harian negara melepasi purata perkapita dunia apabila mencatat 250,000 dos suntikan sehari secara konsisten dan disasarkan 300,000 dos sehari mulai bulan ini.

"Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui Jawatankuasa Teknikal COVID-19 pada sidang media baru-baru ini mengeluarkan analisis dapatan data terkini perkembangan kes COVID-19 di seluruh dunia.

"Di Afrika, kes jangkitan COVID-19 meningkat kepada 16.7 peratus, manakala di kawasan timur Medditerranean mencatat 16.4 peratus.

"Di Malaysia, kemajuan kadar vaksinasi harian sudah melepasi kadar purata perkapita vaksinasi dunia," katanya dalam kenyataan berhubung perkembangan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), semalam.

Ismail Sabri berkata, kadar kemajuan vaksinasi di Malaysia memberi gambaran negara berada di landasan tepat untuk mencapai imuniti kelompok dalam masa terdekat, sekali gus membolehkan rakyat kembali kepada kehidupan normal.

Justeru, beliau meminta rakyat terus meningkatkan kawalan kendiri dengan duduk di rumah dan hanya keluar jika ada keperluan serta mematuhi SOP ditetapkan bagi mengurangkan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti.



*Penduduk menerima suntikan vaksin COVID-19 ketika tinjauan di Sunway Mentari, Petaling Jaya, baru-baru ini.* (Foto hiasan)

# Pastikan SOP, maklumat tak kelirukan rakyat

*Dari Muka 1*

"Kita tak boleh salahkan rakyat semata-mata kerana SOP dirangka kerajaan mengelirukan dan terlalu banyak pihak mengumumkan pelbagai perkara.

"Sat (sekejap) boleh, yang itu tak boleh, rakyat keliru dan menyebabkan mereka tidak mematuhi SOP lalu jangkitan merebak. Kita kena pastikan dapat mengawal pandemik terlebih dahulu, baru bincang perkara lain.

"Jangan longgarkan sekatan ketika jangkitan melonjak," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas peningkatan mendadak bilangan jangkitan baharu COVID-19 yang mencecah hampir 10,000 dalam empat hari berturut-turut.

Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 9,105 kes semalam, 9,353 kes kelmarin dan 9,180 kes pada hari sebelumnya.

Dr Ismail yang juga antara individu yang terbabit menangani wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV), virus Nipah dan Ebola, mencadangkan sekatan pergerakan dilakukan secara bersasar mengikut lokaliti.

"Dapatkan idea baharu dan mungkin boleh tubuhkan pasukan bebas untuk menasihati kerajaan.

"Sekatan pergerakan penuh bukan penyelesaian kerana rakyat menderita akibat terlalu banyak sekatan. Ia perlu diubah secara bersasar. Asingkan politik dan kesihatan awam," katanya.

Beliau turut mencadangkan hanya satu pihak mengawal penyebaran maklumat mengenai situasi semasa COVID-19 dan ia perlu diuruskan KKM.

Katanya, KKM perlu memastikan maklumat mencukupi, disemak dan tidak diterima bulat-bulat kerana maklumat salah akan menimbulkan kesangsian rakyat.

Malaysia menetapkan enam strategi utama bagi membendung penularan COVID-19, merangkumi kawalan sempadan negara bagi mengurangkan kes import, keupayaan sistem kesihatan negara, tindakan kesihatan awam, fokus terhadap golongan rentan, libat urus bersama masyarakat dan pemerkasaan komuniti.

Seorang lagi bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohamad Taha Arif, menjelaskan kerangka strategi sedia ada secara prinsipnya boleh dikekalkan, tetapi penambahbaikan perlu dibuat mengikut lokaliti.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Bebas Darurat berkata, SOP perlu diperketat di lokaliti kritikal, manakala vaksinasi disasar ke kawasan yang merekodkan banyak jangkitan.

"Sekatan pergerakan penuh perlu dibuat secara bersasar. Kita kena tengok keadaan, ia boleh dilonggarkan sedikit apabila kes berkurangan, selain SOP di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) juga perlu ditambah baik," katanya.



*Rohaizat Yon*

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Rohaizat Yon, berpandangan kerangka strategi sedia ada secara umumnya boleh dikekalkan tetapi sub-aktiviti perlu diperhalusi supaya lebih fokus dan terperinci.

Katanya, pematuhan dan pemantauan SOP merangkumi pemakaian pelitup muka dengan baik, penjarakan fizikal dan sanitasi sangat penting bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19.

"Aspek ini nampak remeh tetapi masih ramai cuai walaupun sudah hampir dua tahun kita berdepan situasi ini.

"Pemantapan perlu disesuaikan dengan keadaan semasa. Aktiviti saringan berskala besar perlu dibuat secara bersasar.

"Jika tidak, ia ibarat 'menjala bukan di lubuk ikan', maka ia akan jadi pembaziran," katanya.

Dr Rohaizat berkata, keupayaan hospital perlu ditambah baik dengan membina lebih banyak Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), selain meningkatkan kapasiti unit rawatan rapi.

Wakil perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga meminta pengubahsuaian strategi dilakukan dalam pemantauan dan pematuhan SOP supaya ia dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) ketika ini.

Pengerusi Dasar dan Hubungan Kerajaan Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SAMENTA), Datuk William Ng mencadangkan petugas barisan hadapan yang ketika ini menjaga sekatan jalan raya (SJR) digerakkan untuk menjaga pematuhan SOP di sektor ekonomi yang dibenarkan beroperasi.

"Gunakan tenaga barisan hadapan yang menjaga sekatan jalan raya (SJR) dan membuat lawatan mengejut menguatkuasakan SOP tanpa pilih kasih.

"Kerajaan tidak patut membezakan perniagaan berdasarkan perlu dan tidak perlu, sebaliknya jika mana-mana sektor selamat untuk dibuka, tiada alasan mengapa sektor lain tidak dibuka semula melainkan penjarakan fizikal tidak dapat dilakukan," katanya.

Penganalisis Korporat dan Perniagaan, Mohamad Faisal Abdul Malik, juga berpandangan kerajaan membenarkan semula sektor perniagaan kurang perlu yang membabitkan PKS dengan syarat SOP baharu dan ketat dalam operasi masing-masing.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Langkah tepat gunakan Ivermectin secara 'off label'

## KKM perlu diberi ruang buat penyelidikan, lengkapkan kajian klinikal

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my




*Ivermectin adalah ubat antiparasit yang digunakan bagi rawatan beberapa penyakit tropika terabai.* (Foto hiasan)

**Kuala Lumpur:** Kebenaran menggunakan Ivermectin secara 'off label' bagi merawat pesakit COVID-19 ketika ini disifatkan sebagai langkah tepat dalam menentukan keberkesanan dan kesan sampingannya.

Kaedah secara 'off label' merujuk kepada penggunaan sesuatu ubat itu di luar daripada apa yang dicadangkan dan hanya diambil di bawah pemantauan pakar kerana belum diluluskan lembaga yang bertanggungjawab.

Timbalan Pengarah Pusat Kajian, Inovasi dan Pembangunan (IRDI) Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU), Prof Dr Azizi Ayob, berkata Kementerian Kesihatan (KKM) harus diberi ruang membuat penyelidikan dan melengkapkan kajian klinikal supaya maklumat keberkesanan dan keselamatan ubat berkenaan dapat dikenal pasti.

"Indikasi sebenar ubat ini ialah sebagai antihelmint (ubat cacing parasit), termasuk *onchocerciasis, strongyloidiasis* dan *helminthoases*.

"Justeru, mana-mana dakwaan atau indikasi baharu perlu diuji semula secara kajian klinikal dengan mengambil kira kenapa ia perlu diuji berdasarkan penemuan baharu praklinikal.

"Saya tidak menghalang penggunaan Ivermectin, namun secara 'off label' buat sementara.

"Pada masa sama, KKM terus menjalankan kajian sehingga mendapat data lebih sempurna untuk menyokong cadangan penggunaan ubat ini," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Dr Azizi yang juga Timbalan Presiden Ikatan Pengamal Perubatan dan Kesihatan Muslim Malaysia (I-Medik) berkata, setakat ini tiada indikasi praklinikal bahawa Ivermectin boleh menggantikan fungsi vaksin COVID-19 kerana sifat mekanisme tindakan Ivermectin adalah berbeza.

"Sebagai pakar farmakologi, saya percaya kajian klinikal rawak boleh merungkai potensi tindakan mekanisme baharu bagi Ivermectin seperti yang ditemui dalam kajian makmal," katanya.

Berdasarkan pandangan pakar perubatan, sebarang penggunaan ubat, wujud protokol dalam pengelolaan penyakit dan ia dibangunkan berdasarkan bukti dan perjanjian kolektif serta persetujuan ketika pesakit hadir mendapatkan rawatan.

Jadi, penggunaan ubat secara 'off label', iaitu tidak termaktub dalam pengurusan protokol boleh dipraktikkan bagi mengoptimumkan kesannya.

Sebagai contoh, Ivermectin termaktub dalam protokol bagi merawat jangkitan parasit, namun tidak bagi rawatan COVID-19. Bagaimanapun, ia boleh digunakan berdasarkan persetujuan antara doktor dan pesakit.

Justeru, Ivermectin hanya akan menjadi sebahagian daripada protokol apabila kajian klinikal membabitkan ubat terbabit berjaya menghasilkan bukti yang kukuh.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata, KKM tidak menolak kemungkinan meluluskan penggunaan Ivermectin bagi merawat pesakit COVID-19 jika ada bukti kukuh menjelaskan keberkesanan dan kesan sampingannya.

Ketika ini, katanya, penggunaan Ivermectin hanya dibenarkan secara 'off label' sehingga kajian menyeluruh dijalankan.

Ivermectin adalah sejenis ubat antiparasit diluluskan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) yang digunakan secara meluas bagi rawatan beberapa penyakit tropika terabai, termasuk *onchocerciasis, strongyloidiasis* dan *helminthiases*.



"Saya percaya kajian klinikal rawak boleh merungkai potensi tindakan mekanisme baharu bagi Ivermectin seperti yang ditemui dalam kajian makmal"

***Dr Azizi Ayob,***
*Timbalan Pengarah Pusat Kajian, Inovasi dan Pembangunan Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU)*

# 'Kes jangkitan harian turun dalam tempoh terdekat'

**Kuala Lumpur:** Penurunan jangkitan kes harian COVID-19 dijangka dapat dilihat dalam tempoh terdekat, sama ada seminggu atau dua minggu lagi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan kes kebelakangan ini sudah dijangkakan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lembah Klang dan tindakan saringan secara besar-besaran.

"Dengan pengawalan yang baik, kita akan lihat hasilnya dua minggu atau seminggu lagi, baru kes akan nampak penurunan.

"Pada masa sama, vaksinasi perlu ditingkatkan. Empat juta dos sudah diberikan kepada Selangor dan Kuala Lumpur juga sudah mencapai tahap vaksinasi amat memuaskan, ini boleh bendung penularan di Lembah Klang," katanya ketika diundang sebagai panel program 'The Nation' bertajuk 'COVID-19: Apa Lagi Ikhtiar Kita' yang disiarkan secara langsung menerusi *BERNAMA TV*, malam kelmarin.

Dr Noor Hisham berkata, situasi sama berlaku ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 yang turut mencatatkan lonjakan kes.

"Kalau lihat kepada PKP 2.0 dan PKP 3.0, pada PKP 2.0 yang dilaksanakan pada 13 Januari, kes melonjak sehingga 5,725 kes pada 30 Januari iaitu lebih kurang dua minggu.

"Barulah (kemudian) kita lihat ada penurunan kes. Begitu juga pada 12 Mei, kita buat PKP 3.0, kes melonjak pada 29 Mei, iaitu 9,020 kes.

"Selepas itu kes mula menurun, jadi sekarang kita jangka kes akan meningkat kembali kerana usaha pengesanan komuniti giat dijalankan, iaitu saringan besar-besaran," katanya.

Beliau berkata, berikutan situasi COVID-19 yang berlanjutan, negara terpaksa mengimbangkan antara faktor ekonomi dan kesihatan.

"Kalau kita lihat pelaksanaan PKP pada 18 Mac, ia dibuat dengan amat ketat hingga negeri yang tiada kes pun tertakluk kepada PKP, contohnya Perlis dan Sarawak.

"(Sekarang), kita menjalankan secara lebih bersasar kepada negeri yang ada risiko tinggi, tetapi negeri yang tiada risiko, tetap dikawal sempadan supaya kes jangkitan tidak masuk.

"Apabila (kes) berpanjangan, kita cuba imbangkan ekonomi dan kesihatan, tetapi ia mengambil masa lama," katanya.

Beliau berkata, ia menyebabkan tekanan khususnya daripada pihak petugas kesihatan kerana tidak dapat mencapai imbangan yang terbaik.

"Itu yang mungkin kita perlu lihat bagaimana boleh dijalankan tindakan bersasar," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

# HTAR Klang ubah fungsi kawasan jadi wad sementara

**Kuala Lumpur:** Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang mengubah fungsi beberapa kawasan dan bangunan menjadi wad sementara bagi mengatasi kesesakan berikutan peningkatan mendadak pesakit COVID-19.

HTAR dalam satu kenyataan, berkata tindakan yang mengambil kira semua penilaian risiko itu dapat menampung keperluan sementara situasi lonjakan kes di Jabatan Kecemasan dan Trauma HTAR.

"Antara kawasan yang dijadikan tempat rawatan pesakit COVID-19 adalah asrama doktor pelatih dan Kompleks Rawatan Harian.

"Kedua-dua tempat ini mula menerima pesakit COVID-19 bermula jam 8 malam, 9 Julai 2021," katanya.

Sementara itu, HTAR mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan yang membantu menjayakan inisiatif mengubah fungsi kawasan itu sebagai wad sementara.

Katanya, semua kakitangan berkenaan adalah wira kepada HTAR sewaktu hospital itu berdepan dengan masalah ketiadaan katil untuk merawat pesakit COVID-19.

"Bilangan kes harian di Selangor mencecah 4,000 sehari bukanlah petanda baik bagi HTAR kerana kes harian yang hadir ke Jabatan Kecemasan juga turut meningkat dengan mendadak sehingga tiada katil lagi untuk menempatkan pesakit ini," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : COVID-19

KES COVID-19 DIJANGKA STABIL

# Seminggu atau dua lagi

Bernama

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan jumlah kes harian Covid-19 di negara ini, mulai stabil dan menunjukkan penurunan dalam tempoh seminggu atau dua minggu, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, dengan proses vaksinasi yang giat dilaksanakan di seluruh negara serta kawalan kesihatan awam masih berkuat kuasa seperti sekatan pergerakan ketika ini, mampu melandaikan semula keluk jangkitan wabak itu.

Katanya, lonjakan kes baharu sejak beberapa hari lalu adalah berikutan lebih banyak saringan bersasar Covid-19 dilaksanakan khususnya di Selangor dan Kuala Lumpur yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ketika ini.

"KKM sudah jangkakan memang dengan sekatan pergerakan di kawasan Lembah Klang, kes harian akan meningkat kerana saringan bersasar dan saringan komuniti dilaksanakan.

"Namun, saya yakin dengan kaedah kawalan yang baik (sekatan pergerakan) kita akan lihat jumlah kes lebih stabil serta menunjukkan penurunan dalam seminggu lebih atau dua minggu. Pada masa sama, proses vaksinasi perlu dipercepatkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program *The Nation* bertajuk Covid-19: Apa Lagi Ikhtiar Kita terbitan Bernama TV yang dihoskan Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Ras Adiba Radzi, kelmarin.


DR Noor Hisham

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, mengambil pengalaman dan iktibar daripada kesan gelombang kedua Covid-19 sebelum ini, negara perlu lebih berhati-hati dan tidak tergesa-gesa untuk membuka beberapa sektor yang boleh mencetuskan lagi lonjakan kes baharu.

Beliau berkata, pematuhan yang berterusan oleh semua pihak serta penguatkuasaan prosedur operasi standard (SOP) di lapangan seperti sektor perkilangan, perlu dipertingkatkan dalam usaha mengawal lebih banyak jangkitan khususnya membabitkan penularan di tempat kerja.

Menjelaskan situasi kapasiti beberapa hospital yang dilaporkan sesak dengan jumlah pesakit Covid-19, beliau berkata, KKM sedang giat meningkatkan keupayaan hospital untuk menampung pesakit terutama individu dengan jangkitan tahap empat dan lima di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Masalah yang kami hadapi ialah pesakit tahap empat dan lima mengambil masa lama untuk dirawat dalam ICU antara dua hingga lima minggu termasuk yang memerlukan alat bantuan pernafasan.

"Inilah kekangan yang dihadapi kerana jumlah pesakit tahap empat dan lima juga bertambah dan menjadi sesak. Oleh sebab itu, KKM sedaya upaya meningkatkan lagi kapasiti hospital," katanya.

Terdapat lima tahap jangkitan Covid-19. Tahap satu - tidak bergejala; tahap dua - bergejala ringan; tahap tiga - bergejala dan mengalami radang paru-paru; tahap empat - bergejala, mengalami radang paru-paru dan perlukan bantuan oksigen; serta tahap lima - bergejala kritikal dan memerlukan rawatan di ICU.

Semalam, Malaysia mencatatkan kes harian tertinggi dengan 9,353 kes baharu dengan 29 lagi kluster baharu termasuk 19 kluster tempat kerja.

## Analisis sampel




**PETUGAS** kesihatan menggunakan alat ujian pantas SD Biosensor untuk menganalisis sampel bagi mengesan virus Covid-19 pada program Penang Saring Covid-19 (PSC-19) di Dewan Besar Sungai Dua, Tasek Gelugor. Program PSC-19 dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang membabitkan kaedah RTK-Antigen dalam mengenal pasti dan mengasingkan individu pembawa Covid-19 seterusnya mengawal penularan virus terbabit. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

## 9,105 jangkitan baharu, 91 mati

**Kuala Lumpur:** Kes baharu positif Covid-19 hanya mencatatkan sedikit penurunan apabila merekodkan sebanyak 9,105 kes semalam berbanding hari sebelumnya, 9,353 kes.

Dengan kes dilaporkan itu menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan adalah sebanyak 836,296 kes dan terdapat 87,841 kes aktif ketika ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 18 kes import dilaporkan manakala 9,087 kes lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor melaporkan lebih separuh kes positif daripada jumlah kes baharu hari ini (semalam) iaitu 4,682 kes, diikuti Kuala Lumpur (1,247 kes) dan Negeri Sembilan (541 kes).

Dr Noor Hisham berkata, 5,194 kes dilaporkan pulih semalam menjadikan kumulatif kes pulih sepenuhnya 742,297 kes atau 88.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Terdapat 91 kematian dilaporkan hari ini (semalam) membabitkan 87 warga tempatan, lima warga asing dengan kebanyakan mereka mempunyai latar belakang penyakit kronik," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

# Fasa sangat berbahaya: WHO

*Kemunculan pelbagai varian koronavirus boleh menyebabkan tahap kebolehjangkitan tinggi*

**Oleh Sri Ayu Kartika Amri dan Raja Noraina Raja Rahim**
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Virus Covid-19 boleh terus bermutasi dan mampu menjadi lebih ganas untuk menjangkiti ramai individu.

Kemunculan pelbagai varian ketika ini membuktikan sifat musuh halimunan itu yang bermutasi dan paling membimbangkan boleh menyebabkan tahap kebolehjangkitan tinggi atau penyakit lebih teruk.

Pakar kesihatan awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, seluruh dunia berdepan ancaman penularan varian membimbangkan (VOC) dan varian yang perlu mendapat perhatian (VOI) itu.

"Sekarang ini varian Delta dikatakan penularan terbesar menjangkiti penduduk dunia selain beberapa varian lain seperti Alpha, Beta, Kappa dan Lambda.

"Begitu juga di Malaysia, varian baharu mungkin ada, tetapi kita tidak tahu berapa peratus. Ini kerana daripada 9,000 kes harian dilaporkan, sebenarnya terdapat tiga hingga empat kali ganda lagi orang dijangkiti di luar," katanya kepada Harian Metro, semalam.

> "Varian Delta dikatakan penularan terbesar menjangkiti penduduk dunia"
> Dr Sharifa

Pada 1 Jun lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan amalan pengenalan varian Covid-19 mengikut negara mula ditemui, dihentikan dan digantikan dengan huruf Greek bagi mengelakkan mana-mana negara dikaitkan dengan stigma pandemik.

Selain itu, WHO turut memberi amaran bahawa Covid-19 kini berada pada 'fasa sangat berbahaya' akibat ancaman varian Delta yang lebih mudah berjangkit dan sudah dikesan di 98 negara.

Antara varian yang membimbangkan itu adalah jenis Alpha yang dikesan dari United Kingdom, Beta (Afrika Selatan), Gamma (Brazil), Delta (India), Epsilon (Amerika Syarikat), Eta (Nigeria), Iota (Amerika Syarikat), Kappa (India), Lambda (Peru), Theta (Filipina) dan Zeta (Brazil).

Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) turut merekodkan 217 kes daripada varian Alpha, Beta, Delta dalam kategori VOC selain Kappa, Theta serta Eta dalam kategori VOI.

Berdasarkan info grafik setakat 30 Jun lalu, varian Beta merekodkan kes tertinggi iaitu 147 kes yang dikesan di seluruh negeri kecuali Labuan.

Mengulas lanjut, Dr Sharifa Ezat tidak menolak kemungkinan virus Covid-19 boleh menjadi seperti wabak Influenza yang bermusim dan mempunyai pelbagai varian.

"Kita tidak pasti vaksin yang ada sekarang ini berkesan terhadap varian baharu itu. Sebab itu ada syarikat pengeluar vaksin mula memperkenalkan suntikan dos ketiga sebagai *booster* (penggalak) untuk meningkatkan antibodi melawan virus," katanya.

Menurutnya, pengambilan vaksin adalah langkah terbaik bagi memastikan penularan wabak Covid-19 tidak berulang pada masa hadapan.

"Sekiranya lebih ramai mengambil suntikan perlindungan itu, maka ia dapat mewujudkan imuniti kelompok dan terlindung daripada virus," katanya.







---




HTAR Klang menjadikan asrama doktor pelatih dan Kompleks Rawatan Harian kepada wad sementara bagi menempatkan pesakit Covid-19.

# Asrama doktor pelatih, Kompleks Rawatan Harian jadi wad sementara

**Shah Alam:** Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang mengubah fungsi asrama doktor pelatih dan Kompleks Rawatan Harian kepada wad sementara bagi menempatkan pesakit Covid-19 bermula Jumaat lalu.

HTAR menerusi kenyataan di Facebook memaklumkan tindakan itu bagi menampung keperluan semasa susulan lonjakan kes di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan.

"Pimpinan tertinggi HTAR serta semua ketua jabatan dan unit mengambil inisiatif itu setelah semua penilaian risiko dianalisis, beberapa kawasan sudah diubah suai fungsi menjadi wad sementara bagi menempatkan pesakit Covid-19.

"Antara kawasan yang telah dijadikan tempat rawatan pesakit Covid-19 adalah asrama doktor pelatih dan Kompleks Rawatan Harian, kedua-dua tempat ini mula menerima pesakit bermula 8 malam 9 Julai lalu," menurut kenyataan itu.

Menurut HTAR bilangan kes harian di Selangor yang mencecah 4,000 sehari bukanlah petanda baik bagi hospital itu kerana kes harian di Jabatan Kecemasan turut meningkat mendadak sehingga tiada lagi katil untuk menempatkan pesakit-pesakit berkenaan.

HTAR berkata kakitangannya bagaimanapun tidak berputus asa untuk terus bersiap sedia dan bertindak dalam menangani lonjakan jumlah pesakit Covid-19 di hospital itu.

"Tanpa usaha dan sokongan daripada semua kakitangan HTAR yang sentiasa bertungkus lumus dan bersedia menghadapi krisis ini bersama, inisiatif ini tidak dapat direalisasikan. Pihak HTAR mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan yang membantu. Anda semua adalah Wira HTAR," katanya. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : COVID-19

IVERMECTIN

# KKM tunggu bukti kukuh

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak menolak kemungkinan untuk meluluskan penggunaan Ivermectin bagi merawat pesakit Covid-19 sekiranya ada bukti kukuh yang menjelaskan keberkesanan dan kesan sampingannya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, KKM ketika ini hanya membenarkan penggunaan Ivermectin secara *off label* (ubat di luar indikasi tertera dalam label dan belum atau di luar persetujuan badan atau lembaga bertanggungjawab) sehingga kajian menyeluruh dijalankan.

"Sekarang ini, kita boleh gunakan Ivermectin dalam negara dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sudah meluluskan penggunaan *off label* seperti digunakan dahulu untuk ubat antimalaria dan HIV.

"Penggunaannya tidak didaftarkan, tetapi dibenarkan sehingga kita ada bukti kukuh," katanya ketika diundang sebagai panel program *The Nation* bertajuk Covid-19: Apa Lagi Ikhtiar Kita yang disiarkan secara langsung menerusi Bernama TV, kelmarin.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, KKM juga giat menjalankan kajian untuk mengenal pasti keberkesanan dan kesan sampingannya bagi pesakit Covid-19 kategori tiga, empat dan lima.

